



TENAGA BURUH, FEBRUARI 2024




TENAGA BURUH MALAYSIA, FEBRUARI 2024

Bilangan penganggur yang lebih rendah direkodkan pada Februari 2024 iaitu pada 567.0 ribu, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus

PENGANGGUR

BILANGAN PENGANGGUR DAN KADAR PENGANGGURAN, MALAYSIA, FEB 2023 - FEB 2024




3.3%

Kadar pengangguran bulan Februari 2024 tidak berubah iaitu pada 3.3 peratus

▼ 0.2pp ↔ 0.0pp


Pengangguran mengikut kategori

Penganggur aktif Penganggur tidak aktif




PENDUDUK BEKERJA

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA DAN NISBAH GUNA TENAGA KEPADA PENDUDUK, MALAYSIA, FEB 2023 - FEB 2024




Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan

Daripada jumlah penduduk bekerja pada bulan Februari 2024, 75.2 peratus berada dalam kategori pekerja



TENAGA BURUH


BILANGAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB), MALAYSIA, FEB 2023 - FEB 2024



70.2%

Kadar penyertaan tenaga buruh bulan Februari kekal pada 70.2 peratus seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya

KPTB mengikut jantina



LUAR TENAGA BURUH



JAN 2024



FEB 2024

▼ 0.1%
▼ 0.01%

Sebab utama penduduk berada di luar tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga
42.5%




Bersekolah/ latihan
41.0%

Peratus perunahan (tahun ke tahun) mp Mata Peratus
Peratus perubahan (bulan ke bulan) ↔ Tidak berubah

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Penganggur dan kadar pengangguran, Februari 2023 - Februari 2024



Kadar pengangguran Februari kekal pada 3.3 peratus, mencatatkan bilangan penganggur yang lebih rendah iaitu pada 567.0 ribu orang

- Bilangan **tenaga buruh** pada bulan tersebut terus merekodkan peningkatan bulan ke bulan, dengan pertambahan sebanyak **0.1 peratus** kepada **17.07 juta orang** (Januari 2024: 17.05 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh** bulan Februari kekal pada **70.2 peratus** seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya.
- Bilangan **penganggur** pada bulan tersebut terus berada dalam trend menurun, dengan penurunan kecil iaitu sebanyak **0.1 peratus** kepada **567.0 ribu orang** (Januari 2024: 567.3 ribu orang).
- **Kadar pengangguran** bulan Februari kekal pada **3.3 peratus** seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya.
- Bilangan **penduduk bekerja** terus meningkat, dengan kenaikan bulan ke bulan sebanyak **0.2 peratus** kepada **16.51 juta orang** (Januari 2024: 16.48 juta orang).
- Dari segi sektor ekonomi, sektor **Perkhidmatan** terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti **Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan**. Sektor **Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian**, serta **Pertanian** juga menunjukkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja pada Februari 2024.
- Terdapat sedikit penurunan iaitu sebanyak **0.01 peratus** yang direkodkan dalam bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada bulan Februari 2024 berbanding bulan sebelumnya, dengan jumlah seramai **7.23 juta orang** (Januari 2024: 7.23 juta orang).

